



BULETIN WAKAF & ENDOWMEN

MENU UTAMA

**SESI PENYERAHAN PEMENANG
CABUTAN BERTUAH NO PLAT
UTHM SIRI 2**

**LAWATAN DELEGASI PUSAT
ENDOWMEN UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA MALAYSIA (UIA)**

**BENGKEL PEMAHAMAN & STRATEGI
PEMASARAN BAGI MENINGKATKAN
HASIL DANA WAKAF**

**LAWATAN BENCHMARKING WAKAF
ENDOWMEN KE UNIVERSITI AWAM**



ISI KANDUNGAN

Penaung :

*En. Mohd Lotfi Bin
Solihan*

Penasihat:

*En. Azizam Bin Mohd
Khairan*

Editor:

*Cik Nur Aina Farisha
Binti Mohd Hazeze*

Reka Grafik:

*Sdr. Muhamad Azley
Ezham Bin Norsamdi*

Fotografi

*Cik Nur Atiqah Binti
Md Azali*

Sidang Ridaksi:

- Cik Amira Afiqah
Binti Kamarudin*
- Pn. Nurul Nadiah
Binti Abdul
Hamid*

SESI PENYERAHAN PEMENANG CABUTAN BERTUAH NO PLAT
UTHM SIRI 2 7

PEMBUKAAN KAUNTER NO PLAT UTHM 2-4

JERAYAWARA WAKAF ENDOWMEN 5

LAWATAN DELEGASI PUSAT ENDOWMEN UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA MALAYSIA (UIA) 6

BENGKEL PEMAHAMAN & STRATEGI PEMASARAN BAGI
MENINGKATKAN HASIL DANA WAKAF 7

PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK SEKSYEN DANA
ENDOWMEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) 8

PROGRAM GOTONG-ROYONG PEMBERSIHAN TANAH WAKAF 9

LAWATAN BENCHMARKING BWE KE UNIVERSITI AWAM 10-11

PERASMIAN GEROBOK REZEKI 12

PELANTIKAN PENGARAH BARU PUSAT WAKAF & ENDOWMEN 13

ISI KANDUNGAN

Penaung :

*En. Mohd Lotfi Bin
Solihan*

Penasihat:

*En. Azizam Bin Mohd
Khairan*

Editor:

*Cik Nur Aina Farisha
Binti Mohd Hazeze*

Reka Grafik:

*Sdr. Muhamad Azley
Ezham Bin Norsamdi*

Fotografi

*Cik Nur Atiqah Binti
Md Azali*

Sidang Ridaksi:

- Cik Amira Afiqah
Binti Kamarudin*
- Pn. Nurul Nadiah
Binti Abdul
Hamid*

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMEGANG AMANAH
ENDOWMEN BIL.1/2024 14

MESYUARAT LEMBAGA PENASIHAT DANA WAKAF TUNAI
PENDIDIKAN (DWTP) BIL.2/2024 15

LAWATAN DELEGASI ENDOWMEN UTM KE WAKAF
ENDOWMEN 16

SESI PENYERAHAN PEMENANG CABUTAN BERTUAH NO PLAT UTHM SIRI 2



27 MEI 2024 | Majlis Sesi Penyerahan Hadiah kepada Pemenang Cabutan Bertuah No Plat UTHM Siri 2

Terdiri daripada 4 orang staf dan 1 orang awam yang bertempat di Ruang Menunggu Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM Kampus Induk.

Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM telah sudi hadir menyempurnakan Majlis Sesi Penyerahan Hadiah kepada pemenang cabutan bertuah no plat UTHM bagi siri yang kedua.

Program anjuran Bahagian Wakaf dan Endowmen turut dihadiri En. Mohd Lotfi bin Solihan, Pengarah Bahagian Wakaf dan Endowmen.

Turut berlangsung penyerahan nombor plat UTHM kepada Prof. Ir. Dr. Yusri Bin Yusof, Penyelidik Utama Institut Kejuruteraan Integrasi sebagai hadiah penghargaan atas segala kerjasama dan komitmen sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen Universiti.

Pihak Wakaf dan Endowmen ingin mengucapkan tahniah kepada pemenang cabutan bertuah nombor plat UTHM.



PEMBUKAAN KAUNTER NO PLAT UTHM



CAREER FAIR UTHM 2024


Program ini berlangsung selama 2 hari pada 8 dan 9 Jun 2024 yang bertempat di Dewan Sultan Ismail bertujuan dalam membuka peluang kerjaya dan latihan industri kepada masyarakat, graduan dan pelajar.

Kaunter promosi jualan no plat UTHM dibuka bagi mempromosikan no plat UTHM kepada jemputan yang hadir.

PROGRAM INTERNATIONAL RESEARCH AND INNOVATION SYMPOSIUM AND EXPOSITION (RISE) UTHM 2024

Program ini berlangsung selama 2 hari pada 25 dan 26 Jun 2024 yang bertempat di Dewan Sultan Ismail bertujuan dalam mempamerkan hasil penyelidikan oleh pelajar.

Kaunter promosi dibuka bagi mempromosikan penjualan No Plat UTHM ini khususnya kepada warga UTHM dan setempat agar dapat meningkatkan *visibility* dan *branding* UTHM dalam kalangan masyarakat.



PEMBUKAAN KAUNTER NO PLAT UTHM

MAJLIS HI-TEA ALUMNI UTHM OUTREACH




Program ini berlangsung Promosi pada 29 Jun 2024 bertempat di Bertam Resort Pulau Pinang. Pusat Wakaf dan Endowmen, UTHM telah mengambil inisiatif membuka kaunter promosi projek-projek di bawah Wakaf dan Endowmen.

Kaunter promosi ini lebih menjurus kepada penjualan nombor plat Siri UTHM selain mempromosikan projek-projek di bawah Wakaf dan Endowmen.

IICE UTHM 2024

Program ini berlangsung pada 5 Ogos 2024 yang bertempat di Dewan Sultan Ismail di bawah anjuran Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE).

Wakaf dan Endowmen tidak melepaskan peluang untuk membuka kaunter no plat UTHM bagi mempromosikan no plat UTHM kepada jemputan yang hadir.



PEMBUKAAN KAUNTER NO PLAT UTHM

MAJLIS SIRI JELAJAH ALUMNI UTHM BERSAMA NAIB CANSELOR (ZON TENGAH) 2024



Program ini berlangsung pada 12 Oktober 2024 bertempat di The Everly Putrajaya. Bahagian Wakaf dan Endowmen, UTHM telah mengambil inisiatif membuka kaunter promosi projek-projek di bawah Wakaf dan Endowmen.

Pembukaan kaunter ini diwakili oleh Encik Azizam bin Mohd Khairan dan Encik Muhamad Azley Ezham bin Norsamdi. Kaunter promosi ini lebih menjurus kepada penjualan nombor plat Siri UTHM selain mempromosikan projek-projek di bawah Wakaf dan Endowmen.



PEMBUKAAN KAUNTER NO PLAT UTHM DI MAJLIS KONVOKESYEN YANG KE-24.

Majlis Konvokesyen UTHM ke-24 berlangsung pada 7 hingga 12 Disember 2024 yang bertempat di Dewan Sultan Ismail.

Kaunter promosi jualan no plat dibuka dengan tawaran harga istimewa sepanjang majlis ini berlangsung sebagai usaha mempromosikan no plat UTHM kepada semua yang hadir.



JERAYAWARA WAKAF ENDOWMEN





Pada tahun 2024 ini, Program Jerayawara Wakaf dan Endowmen (UTHM) ke Pusat Tanggungjawab (PTj) dan fakulti-fakulti UTHM diteruskan lagi pada bulan Jun sehingga Disember.

Program Jerayawara telah dijalankan secara talian bersama staf Pusat Teknologi Maklumat pada 10 Jun 2024, seterusnya Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina dan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum yang dijalankan pada 8 dan 18 Julai 2024.

Program Jerayawara giat usaha mempromosikan produk wakaf dan endowmen kepada staf UTHM.

Disamping memberi kesedaran tentang kepentingan berwakaf dan seterusnya penerangan tentang manfaat yang akan diterima oleh pewakaf dan penyumbang endowmen UTHM.



LAWATAN DELEGASI PUSAT ENDOWMEN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)



25 Jun 2024 | Lawatan Delegasi Pusat Endowmen, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia bertempat di Bilik Seminar Pusat Bahasa, UTHM Kampus Induk Parit Raja.

Wakaf dan Endowmen UTHM, berbesar hati menerima kunjungan delegasi dari Pusat Endowmen Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Kunjungan ini diketuai oleh Encik Mohd Razif bin Mamat, Pengarah Pusat Endowmen, UIAM turut disertai lima orang pegawai. Menyambut kunjungan delegasi ini ialah Encik Mohd Lotfi bin Solihan, Pengarah Bahagian Wakaf dan Endowmen, Encik Azizam bin Mohd Khairan, Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Cik Amirah Afiqah binti Kamarudin, Penolong Pegawai Tadbir serta staf-staf Wakaf dan Endowmen.



Lawatan ini lebih menjurus kepada sesi pertukaran pendapat dan perbincangan berkenaan isu yang timbul dalam penjanaan tabung dana wakaf dan endowmen di kedua-dua Universiti.



BENGGKEL PEMAHAMAN & STRATEGI PEMASARAN BAGI MENINGKATKAN HASIL DANA WAKAF



01 Julai 2024 | Bengkel Pemahaman & Strategik Pemasaran Bagi Meningkatkan Hasil Dana Wakaf Dan Endowmen UTHM 2024

Bahagian Wakaf & Endowmen UTHM (BWE) telah menganjurkan Bengkel Pemahaman & Strategik Pemasaran bagi Meningkatkan Hasil Dana Wakaf dan Endowmen yang bertempat di Dewan Jamuan, Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM, Batu Pahat, Johor.

Bengkel ini mensasarkan penyertaan dalam kalangan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) serta Penyelaras Wakaf & Endowmen bagi setiap PTj di UTHM. Bengkel ini dilihat mampu memberikan inspirasi dan perspektif baru kepada warga Universiti amnya dan ketua-ketua PTj serta penyelaras Wakaf dan Endowmen di dalam mencari sumber baharu untuk meningkatkan hasil dana Wakaf dan Endowmen Universiti.

Perkongsian ilmu dan pengalaman ini disampaikan oleh Dr Haji Razali bin Othman yang merupakan pengasas dan mantan pengarah bagi Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (Wazan) di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Bengkel ini akan dapat memberikan kefahaman kepada para peserta dan mencari lebih banyak strategi baharu untuk meningkatkan hasil dana wakaf dan endowmen di UTHM.

PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK SEKSYEN DANA ENDOWMEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)



19 OGOS 2024 | Perbincangan Bersama Pihak Seksyen Dana Endowmen Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Bahagian Wakaf dan Endowmen telah mengadakan perbincangan bersama Pihak Seksyen Dana Endowmen UTM mengenai penubuhan dan pelaksanaan UTM Mart yang diadakan di UTM, Kampus Skudai. Perbincangan ini dihadiri oleh Pengarah Bahagian Wakaf dan Endowmen UTHM, Encik Mohd Lotfi bin Solihan bersama Encik Mohamad Azley Ezham bin Norsamdi dan Encik Muhammad Nur Aiman bin Jamaluddin, Penolong Pegawai Tadbir Wakaf dan Endowmen UTHM.

Perbincangan ini disampaikan oleh Puan Nornazura Binti Isnin dan Puan Nur Aidatul Faezah Binti Abdul Rahim merupakan Penolong Pegawai Tadbir di Seksyen Dana Endowmen UTM.

Tujuan perbincangan ini untuk memberikan inspirasi dan perspektif baru dari segi idea dan penjanaan bagi meningkatkan hasil dana Endowmen Universiti.

PROGRAM GOTONG – ROYONG PEMBERSIHAN TANAH WAKAF



Program Gotong-Royong Pembersihan Tanah Wakaf Dengan Jalinan Kerjasama Sukarelawan SV UTHM

5 SEPT 2024 | Program Gotong-Royong Pembersihan Tanah Wakaf Dengan Jalinan Kerjasama Southern Volunteer.

Bahagian Wakaf Dan Endowmen (BWE) telah mengadakan program gotong-royong pembersihan tanah wakaf dengan jalinan kerjasama Southern Volunteer UTHM yang bertempat di Bukit Perdana, Simpang Kanan, Batu Pahat, Johor.

Program ini telah disertai oleh 22 orang staf yang terdiri daripada ahli Southern Volunteer UTHM, staf BWE serta Unit Media UTHM yang merakam lensa gambar yang menarik. Antara kerja pembersihan bagi tanah wakaf dengan keluasan 648 Meter Persegi ini ialah menebas, meracun dan memotong rumput menggunakan mesin rumput.



Program gotong-royong ini merupakan salah satu inisiatif Wakaf Dan Endowmen untuk membersihkan tanah wakaf bagi kegunaan projek yang akan datang demi kemaslahatan ummah serta dapat mengeratkan silaturrahim sesama warga UTHM dan setempat.

Bahagian Wakaf Dan Endowmen (BWE) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ahli Southern Volunteer UTHM, Yayasan UTHM dan Unit Media UTHM yang terlibat bagi menjayakan program ini.

LAWATAN BENCHMARKING BWE KE UNIVERSITI AWAM



2 & 3 Oktober 2024 | Lawatan Penanda Aras Wakaf dan Endowmen UTHM ke Universiti Awam Terpilih.

Bahagian Wakaf Dan Endowmen (BWE) telah mengadakan Lawatan Penanda Aras ke Universiti Awam terpilih selama 2 hari pada 2 hingga 3 Oktober 2024. Antara universiti awam yang terpilih adalah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).



Lawatan ini diketuai oleh Encik Mohd Lotfi bin Solihan, Pengarah Bahagian Wakaf dan Endowmen (BWE) turut disertai staf-staf PWE. Menyambut kunjungan lawatan penanda aras di Universiti Putra Malaysia (UPM) ialah Tn. Hj Haris bin Dahlan, Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan Endowmen (WAZAN).





Seterusnya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sambut oleh Prof, Madya Dr. Mohd Abdul Nasir bin Abd Latif, Pengarah Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS) manakala di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sambut oleh Encik Mohd Razif bin Mamat, Pengarah Pusat Endowmen.

Lawatan ke universiti awam terpilih ini memberi impak positif kepada wakaf endowmen UTHM dengan bertukar idea, pendapat, strategi, pengalaman serta komitmen dalam pengurusan wakaf endowmen untuk menaiktaraf sistem tadbir urus wakaf universiti di samping mencapai matlamat yang disasarkan oleh pihak universiti.



PERASMIAN GEROBOK REZEKI



15 Oktober 2024 | Perasmian Projek Gerobok Rezeki @ Prihatin, bertempat di Dewan Jamuan Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM kampus induk.

Yang Berbahagia Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM telah hadir menyempurnakan gimik Perasmian Projek Gerobok Rezeki @ Prihatin.

Gimik perasmian ini juga disaksikan oleh Yang Berhormat Prof. Ir. Ts. Dato' Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM; YBhg. Prof. Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa); YBhg. Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni); Encik Mohd Lotfi Solihan, Pengarah Pusat Wakaf & Endowmen UTHM; dan Pegawai Kanan Universiti dan wakil Majlis Perwakilan Pelajar.

Majlis anjuran oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar ini turut dihadiri Encik Mohd Amran bin Mohd Ariffin, Menjalankan Tugas Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pelajaran Mara; Encik Wan Alwee bin Wan Bujang, Timbalan Pengarah Mara Negeri Johor.



Wakaf dan Endowmen ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang yang telah memberi sumbangan prihatin bagi menjayakan projek gerobok rezeki ini untuk membantu meringankan beban khususnya kepada pelajar-pelajar UTHM.

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMEGANG AMANAH ENDOWMEN



5 November 2024 | Mesyuarat Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen Bil.1/2024 Bertempat Di Alluring Hall, Level 3 The Straits Hotel & Suites Melaka.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen telah dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd. Amri bin Lajis, Ahli Lembaga Pengarah Universiti.

Ahli jawatankuasa yang hadir, Yang Berhormat Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM, Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Datuk Dr. Ts. Sivakumar Chinnasamy, Ketua Pegawai Eksekutif CSK Group, Encik Shamsul Amree bin Abdul Rahman, Pegawai Eksekutif Domino's Pizza Malaysia, Encik Mohd Lotfi bin Solihan, Pengarah Bahagian Wakaf dan Endowmen dan Puan Marzita Primus, Pengurus Kanan, Bahagian Latihan, Pembelajaran dan Pembangunan Kerjaya Gerbang Alaf Restaurants Sdn. Bhd., merupakan wakil rasmi Timbalan Presiden Gerbang Alaf Restaurants Sdn. Bhd.



Mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan pengurusan bagi Tabung Endowmen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Mesyuarat juga membincangkan berkenaan perancangan bagi peningkatan dana Endowmen, aktiviti kebajikan pelajar dan perancangan aktiviti pada tahun 2025 yang bakal dilaksanakan.

MESYUARAT LEMBAGA PENASIHAT DANA WAKAF TUNAI PENDIDIKAN (DWTP)

5 NOVEMBER 2024 | Mesyuarat Lembaga Penasihat Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTHM Bil.2/2024 Bertempat Di Alluring Hall, Level 3 The Straits Hotel & Suites Melaka.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Sohibus Samahah YB Dato' Haji Yahya Bin Ahmad, Mufti Negeri Johor.

Ahli Jawatankuasa yang hadir, YBhg. Dato' Dr. Haji Nooh bin Gadut, Ahli Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM, Encik Naim bin Maslan, Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi UTHM dan Encik Mohd Lotfi bin Solihan, Pengarah Bahagian Wakaf dan Endowmen. Serta turut hadir, Encik Norzaimi Bin Hamisan, Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan.

Mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan dan meluluskan beberapa cadangan serta status projek-projek wakaf, pembentangan laporan pencapaian kebajikan dan aktiviti yang telah dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan tahun semasa.



LAWATAN DELEGASI SEKSYEN ENDOWMEN UTM KE WAKAF ENDOWMEN

12 NOVEMBER 2024 | Lawatan Delegasi Seksyen Dana Endowmen Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bertempat ke Galeri Endowmen, Ruang Legar Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA).

Bahagian Wakaf dan Endowmen, UTHM berbesar hati menerima kunjungan delegasi dari Seksyen Dana Endowmen UTM.

Kunjungan ini diketuai oleh Puan Nornazura binti Isnin dan Puan Nur Aidatul Faezah Binti Abdul Rahim selaku Penolong Pegawai Tadbir di Seksyen Dana Endowmen UTM turut disertai dua orang staf. Menyambut kunjungan delegasi ini ialah Encik Muhamad Azley Ezham bin Norsamdi dan Muhammad Nur Aiman bin Jamaludin, Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Wakaf dan Endowmen.

Lawatan ini lebih menjurus kepada perbincangan pelaksanaan dan prosedur penamaan plak penyumbang, ruang dan bangunan yang dilaksanakan oleh Bahagian Endowmen UTHM. Semoga lawatan ini memberikan manfaat serta ukhwah yang baik antara Bahagian Endowmen UTHM dan UTM.

